



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

3 OKTOBER 2025 (JUMAAT)

Usir lembu: 176 penternak rayu diberi kawasan baharu

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	-	Online	3 Okt



R. VIJAYAGANDI menyerahkan surat bantahan kepada Mohamad Firdaus Shir Mohd. di Bangunan SUK, Shah Alam, Selangor semalam. – UTUSAN/ISKANDAR SHAH MOHAMED

SHAH ALAM: Kerajaan Selangor digesa segera campur tangan bagi menyelesaikan isu pengusiran ternakan lembu di Ladang SD Guthrie, Sabak Bernam yang masih berlarutan sehingga kini. Gesaan itu susulan pelaksanaan operasi penangkapan terbaharu dilakukan pihak berkuasa di kawasan ladang berkenaan, kelmarin. Pengerusi Jawatankuasa Gabungan Penternak Marhaen Nasional, R. Vijayagandi berkata, tindakan itu menjejaskan penternak yang juga pemilik kepada lebih 600 lembu berkenaan. Katanya, penternak kini buntu memikirkan keadaan haiwan berkenaan berikutan...

Penternak serah memo kedua, dakwa operasi tangkap lembu tak sah

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
MALAYSIAKINI	-	Online	2 Okt



Gabungan Penternak Marhaen hari ini menyerahkan memorandum kepada Menteri Besar Selangor Amirudin Shari bagi membantah operasi pengusiran dan penangkapan lembu di ladang SD Guthrie di Sabak Bernam, Kuala Selangor.

Wakil kumpulan itu, R Ghandi mendakwa operasi tersebut adalah haram dan dibuat tanpa perintah mahkamah.

Menurutnya, pada 30 September lalu kira-kira 100 anggota terdiri daripada polis, pihak berkuasa tempatan dan Jabatan Veterinar dilaporkan memasuki ladang tersebut untuk operasi menangkap lembu. Sehingga kini, dakwanya, para penternak masih tidak dimaklumkan berkenaan jumlah haiwan yang ditangkap.

“Tapi sehingga hari ini, mereka memang tak tahu berapa ekor yang ditangkap, ada tak lembu dalam itu mati atau tidak. Memang tak ada apa-apa maklumat. “Pihak majlis (daerah) mengatakan kepada Sime Darby kalau anda tidak mengusir keluar penternak daripada ladang Sabak Bernam, majlis akan ambil tindakan terhadap Sime Darby.

“Jadi Sime Darby telah mengeluarkan notis pengusiran paksa dan mereka diberi tempoh sehingga 25 September dan selepas itu penternak-penternak ini tidak dibenarkan masuk ke ladang,” katanya kepada media ketika ditemui di depan pintu utama Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, di Shah Alam, hari ini.

Ghandi berkata dalam memorandum hari ini, pihaknya mengemukakan tiga tuntutan kepada kerajaan negeri, termasuk menghentikan semua bentuk pengusiran paksa oleh pihak berkuasa tempatan sehingga mesyuarat rundingan diadakan antara semua pihak berkepentingan.

KES RABIES DI SARAWAK SANGAT MEMBIMBANGKAN

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN BORNEO	-	Online	1 Okt



Dr Rundi menyampaikan sijil penghargaan kepada Dr Veronica. Turut kelihatan (dari kiri) Dr Adrian dan Sirai.

KUCHING: Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Dato Sri Dr Stephen Rundi Utom berkata, kes rabies melibatkan manusia di Sarawak sangat membimbangkan.

Ini kerana menurutnya daripada 87 kes dilaporkan sejak 2017, 80 daripada menyebabkan kematian.

Justeru tegasnya pembasmian rabies tidak boleh bergantung kepada penguatkuasaan semata-mata tetapi memerlukan tanggungjawab kolektif daripada pihak berkuasa kesihatan, perkhidmatan veterinar, majlis tempatan, kumpulan masyarakat dan pencinta haiwan.

"Jangan lupa tumpuan yang hendak kita lakukan menjelang tahun 2030. Kita mahu melihat sifar rabies," katanya pada majlis makan malam gala menyambut delegasi Persidangan Rabies di Borneo di sini malam Selasa.

Hadir sama, Setiausaha Tetap Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Kemajuan Wilayah Datu Sirai Doha, Pengarah JPVS Datu Dr Adrian Susin Ambud dan Pengarah Kesihatan Negeri Sarawak Dr Veronica Lughah.

Beliau berkata beberapa negara telah berjaya membasmi penyakit yang sangat berbahaya itu.
(bersambung)

"Bagaimanapun perkara paling penting ialah pencegahan. Jadi, sampaikan mesej jelas kepada rakyat dan sebagainya, agar mereka tahu.

"Tidak ada orang harus mati kerana rabies. Ia boleh dicegah 100 peratus. Jika anda jahil, anda tidak boleh menyalahkan orang lain," ujarinya.

Dr Rundi juga memberi jaminan, kerajaan negeri terus komited terhadap vaksinasi percuma, vaksin percuma dan penempatan kakitangan, khususnya daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (JPVS).

Beliau juga memuji pasukan penguatkuasaan Immune Belt Enforcement Team (IBET) kerana memainkan peranan penting dalam membendung penularan rabies di seluruh pedalaman Sarawak.

Namun pada masa sama menggesa tindakan yang lebih agresif untuk mencapai sifar rabies menjelang 2030.

RESPONSIBLE DOG

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
NEW SARAWAK TRIBUNE	-	-	1 Okt

KUCHING: A total of 2,875 dogs have been licensed in Sarawak so far this year, bringing the cumulative total to 27,188 since 2019.

Premier Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari said while the progress is commendable, much more can be done, urging every owner to register their dogs to help build a safer Sarawak through a responsible dog ownership and population control.

"At the same time, local authorities have been working tirelessly to address the challenge of stray dogs.

"These officers are the unsung heroes dedicated to safeguarding neighbourhoods.

"Stray removal is not about clearing streets but protecting the public from bites, rabies, and other health risks.

"Yet, success depends on community support. Citizens must avoid abandoning pets, ensure pets are spayed and neutered and report strays when necessary. Or adopt them properly and sincerely," he said.

He stated this in his speech, read by Deputy Premier Datuk Amar Dr Sim Kui Hian during the opening of the Rabies in Borneo (2025): Uniting People, Animals and Communities conference at Borneo Convention Centre Kuching (BCCCK) yesterday.

Abang Johari added that to date, more than 278,840 animals have been vaccinated, and this year alone, nearly 10,957 pets have received the anti-rabies vaccine, a crucial step towards building herd immunity.

Responsible dog ownership vital to curb rabies



DATUK Amar Dr. Sim Kui Hian (centre) 'vaccinating' a robot dog as a gimmick launch of the Rabies in Borneo-The Premier Global Forum for Community Rabies Prevention and Control, while others look on. Photo: Ramidi Subari

"Rabies cases have decreased from 43 per cent in 2018, the peak of the outbreak when it just started, to now just 13 per cent this year.

"Special thanks to the Department of Veterinary Services Sarawak (DVS) for the vaccination effort.

"At the same time, I would like to give thanks to the Immune Belt Enforcement Team (IBET) for their assistance near our border, which is a critical part of our fight," he said.

In the meantime, Abang Johari

stated the state government is committed to eliminating rabies, with strategies including the mass vaccination of dogs, microchipping and licensing, as well as targeted removals and surveillance of the disease.

"Moreover, the IBET has been established to ensure at least 70 per cent herd immunity along the border areas, safeguarding against cross-border transmission.

"Rabies is not just a responsibility for the government or health

professionals alone. It is a shared responsibility and a true test of the One Health approach. Every citizen, every pet owner, and every community member has a role to play.

"We must remember that even a simple scratch from a contaminated claw can be as dangerous as a bite, and that both dogs and cats are capable of transmitting the virus. To succeed, we must embrace collective responsibility, vigilance and compassion," he said.

PENGAMBILAN PELAJAR PERTAMA UNTUK SEKOLAH VETERINAR DAN SAINS HAIWAN BERMULA 2026

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN BORNEO SARAWAK	-	-	1 Okt

Pengambilan pelajar pertama untuk Sekolah Veterinar dan Sains Haiwan bermula 2026

KUCHING: Sarawak bakal mencipta sejarah apabila pengambilan pelajar pertama untuk Sekolah Veterinar dan Sains Haiwan yang pertama di Borneo dijadualkan bermula pada 2026.

Premier Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg berkata, sekolah yang akan beroperasi di Semenggok, Kuching itu ditubuhkan hasil kerjasama antara Kerajaan Sarawak dan Universiti Putra Malaysia Sarawak (UPMS).

"Ini menjadikannya institusi pendidikan veterinar pertama seumpamanya di Sabah serta Sarawak dan seluruh rantau Borneo.

"Kerajaan negeri menyasarkan 50 peratus daripada pelajar yang diterima masuk adalah anak jati Sarawak," katanya dalam teks ucapan dibacakan Timbalan Premier Sarawak Datuk Amar Dr Sim Kui Hian pada perasmian Rabies in Borneo (RIB) 2025 di Pusat Konvensyen Borneo Kuching (BCCK) di sini, semalam.

Pengambilan itu kata Abang Johari, sejajar dengan komitmen untuk melahirkan bakat tempatan dan membina kepakaran yang mampu memenuhi keperluan industri haiwan dan kesihatan awam negeri.

Jelasnya ia mencerminkan



WASPADA RABIES: Dr Sim yang mewakili Premier mengadakan lawatan ke pameran yang diadakan sempena RIB 2025 sambil diiringi Dr Rundi (kanan) dan Dr Veronica (dua kanan) selepas majlis perasmian semalam. — Gambar Chimon Upon

dedikasi kami untuk memastikan bakat terbaik dari Sarawak dibentuk dan dikedahkan di negeri ini.

"Penubuhan sekolah ini juga bertujuan mempertingkatkan pengeluaran haiwan ternakan, memperkukuh kawalan penyakit zoonotik serta menyokong status Sarawak yang bebas penyakit kuku dan mulut (FMD).

"Ini sekali gus menjadi indikator penting terhadap

tahap kesihatan awam dan keselamatan makanan negeri," tegasnya.

Beliau berkata inisiatif itu bukan sahaja melabur dalam bidang pendidikan tetapi juga dalam masa depan keselamatan makanan, kebajikan haiwan dan kesihatan awam untuk Sarawak dan rantau yang lebih luas.

Abang Johari turut menekankan Sarawak bertekad untuk menyum-

bang secara bermakna kepada usaha antarabangsa menghapuskan kematian akibat rabies yang berpunca daripada anjing menjelang 2030.

"Dengan mencapai status Sarawak bebas rabies, kita bukan sahaja melindungi nyawa, malah menetapkan penanda aras bagi rantau ini.

"Saya juga berbesar hati untuk mengumumkan satu inisiatif legasi yang lahir dari-

pada program tempatan kita sendiri iaitu Rabies in Borneo (RIB)," katanya.

Beliau menyifatkan ia sebagai platform untuk mengembangkan jangkauan-nya ke seluruh Asia di bawah Persidangan Rabies di Asia, yang akan diadakan buat kali pertama di Kuching, Sarawak, tahun depan.

"Kami menjemput negara-negara yang berminat untuk menjadi tuan rumah persidangan penting ini pada tahun-tahun akan datang, demi menggalakkan kerjasama serantau yang lebih kukuh dan perkongsian ilmu.

"Rabies di Asia akan menjadi platform penyatuan bagi memajukan misi kita ke arah rantau bebas rabies, memastikan bahawa pengetahuan, pengalaman dan amalan terbaik dikongsi merentasi sempadan," kata Abang Johari.

Hadir sama Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Dato Sri Dr Stephen Rundi Utom, Timbalan Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Datuk Dr Abdul Rahman Ismail, Pengarah Kesihatan Negeri Dr Veronica Lughah dan Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak Datu Dr Adrian Susin Ambud.

ZERO RABIES GOAL BY 2030

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
NEW SARAWAK TRIBUNE	-	Online	1 OKT



KUCHING: Sarawak has set a target to achieve zero rabies by 2030 with a commitment to provide free vaccinations for pets.

Minister for Food Industry, Commodity and Regional Development Datuk Sri Dr. Stephen Rundi Utom said Sarawak recorded 80 deaths from 87 rabies cases, a worrying figure for the state government.

He said the Sarawak Government is committed to providing free vaccinations by mobilising teams, especially from the Department of Veterinary Services (DVS).

“However, this effort cannot be done by the authorities alone where the Health Department, DVS, local authorities, communities and animal lovers need to work together.

“Enforcement alone is not enough, we need to raise awareness because frankly, no one should die from rabies,” he said in his speech during the gala dinner held in conjunction with Rabies In Borneo 2025 at the Borneo Convention Centre Kuching (BCCK) here on Tuesday (Sept 30).

Dr. Rundi stressed that educating and creating awareness in the community is among the latest efforts of the state government regarding rabies, which is 100 per cent preventable.

He explained that indifference to the dangers of rabies can bring harm to oneself and those in the community.

BASRI SUDAH SEDAR DARI KOMA, DIBENARKAN PULANG KE MALAYSIA

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
HARIAN METRO	-	-	1 OKT



Jerantut: 'Fit to fly', itu berita gembira yang dinantikan keluarga kakitangan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pahang, Mohamad Basri Ibrahim, 49, yang sedar daripada koma selepas lebih dua minggu bertarung nyawa di Hospital FV, Ho Chi Minh.

Perkara itu dimaklumkan oleh Norainun Ibrahim, 57, kakak kepada Mohamad Basri yang dibenarkan pulang ke Malaysia.

"Saya tidak sabar membawa Basri balik ke tanah air setelah melihat perkembangan kesihatannya yang memberangsangkan.

"Doktor sudah mengeluarkan surat pengesahan bahawa Basri kini 'fit to fly', memberi sinar baharu buat kami untuk membawanya pulang dalam tempoh terdekat. Ia memberi kelegaan buat keluarga di kampung.

"Kami bersyukur, surat pengesahan sudah ada, hanya menunggu kelulusan insurans yang dijangka selesai dalam masa 72 jam," katanya.

(bersambung..)

Sepupu Mohamad Basri iaitu Azida Dzulkifli, 44, berkata detik paling menggembirakan ialah apabila lelaki itu membuka mata dan memberi reaksi positif sewaktu lawatan mereka semalam.

"Kami terkejut, dia mampu mengangkat tangan walaupun perlahan, malah doktor mula mengurangkan bantuan oksigen, saat itu membuatkan kami sebak dan bersyukur.

"Persiapan pulang giat dilakukan. Basri dijangka terbangkan pulang Sabtu ini sekiranya semua urusan insurans selesai," katanya.

Sebelum ini, Basri disahkan mengalami pendarahan otak selepas rebah ketika melancong di Ho Chi Minh pada 17 September lalu.

Hasil imbasan CT menunjukkan pendarahan di batang otak akibat pecah mikroneurisma serta hipertensi, sekali gus memaksa beliau dirawat rapi di ICU.

ENHANCE CROSS-BORDER WITH KALIMANTAN TO BOOST FIGHT AGAINST RABIES- DR NOOR HISHAM

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BORNEO POST (KUCHING)	-	-	1 OKT

Enhance cross-border ties with Kalimantan to boost fight against rabies — Dr Noor Hisham

KUCHING: Sarawak should strengthen cross-border collaboration with Kalimantan, Indonesia to effectively combat rabies, said Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

The UCSI Healthcare Group chairman pointed out that genomic studies have traced the source of recent rabies outbreak in the state to the neighbouring province.

"In Borneo, we need to look at the porous borders that we have and the movement of stray dogs, for example, coming from Kalimantan.

"I think we need to work with our neighbours for when we did the genomic studies, it shows that the virus genome is coming from Kalimantan, so that's why I think our focus is there," he said.

He said this in his special address at the opening of the Rabies in Borneo (RIB) 2025 conference here yesterday.

Dr Noor Hisham emphasised that controlling rabies required a 'whole-of-government and whole-of-society approach', and urged closer cooperation between public and private sectors both locally and



Tan Sri Dr
Noor Hisham
Abdullah

regionally.

"We need to embrace the role of digital health tools, super apps, and artificial intelligence to monitor and track, project and predict the spread of cases as well as people to map out high-risk areas with pinpoint accuracy, drone mapping of cases, coupled with the strategic planning of vaccination.

"Hopefully by 2030, we will be able to eradicate rabies in Borneo," he said.

The former Health director-general also stressed the importance of public education and community engagement, drawing parallels with Covid-19 pandemic measures.

"During the pandemic, we taught our community what to

do and not to do such as washing your hands, wearing face masks and avoiding crowded places, amongst others.

"These are some of the simple messages that we shared with the public and most importantly, engage with them.

"If we can manage the expectation of the public, then rest assured we can gain the public trust and the community will come together to make a real difference," he said.

On RIB 2025, jointly organised by the Department of Veterinary Services Sarawak in collaboration with Place Borneo, Dr Noor Hisham said the fourth edition of the event aimed to establish RIB as a platform for rabies prevention and control, uniting the people and community towards a rabies-free Borneo.

"Under the theme 'Uniting People, Animals and Communities', the conference aims to share insights of the latest scientific advancement practical intervention and solutions in rabies prevention and control, ultimately the master plan in eradication by 2030," he said.

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR